

15/01/2003

Biro Ekonomi Pemuda Umno sokong cadangan Dr Mahathir

Said Anuar Said Ahmad

BIRO Ekonomi Pemuda Umno menyokong gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya bank tempatan menubuhkan unit khas pinjaman untuk membantu peniaga kecil.

Kami prihatin dengan nasib peniaga kecil dan sederhana dalam mendapatkan ke mudahan pinjaman dari bank utama. Kami berpendapat masalah mereka perlu dipandang serius oleh bank.

Justeru, gesaan Perdana Menteri yang mahu bank menubuhkan unit atau jabatan khas bagi mengendalikan urusan dengan peminjam kecil, harus dilaksanakan segera.

Bank patut akur mereka ada tanggungjawab sosial terhadap peminjam kecil ini. Kita tidak mahu mereka terjebak dengan ceti haram.

Kami mencadangkan unit atau jabatan khas yang bakal ditubuhkan bank utama ini mencontohi peranan bank kecil sebelum ini. Bank kecil sebelum ini memberi pinjaman melalui skim mudah dan segera, skim bayaran balik fleksi, pinjaman tanpa cagaran dan mengenakan syarat mudah, sesuai dengan jumlah yang dipohon peminjam.

Penubuhan unit atau jabatan khas ini penting kerana ramai peminjam kecil ini dan kebanyakannya Bumiputera.

Sokongan dan bantuan bank teras penting dalam menyediakan mereka dalam pasaran bebas Kawasan Perdagangan Bebas Asean yang bermula tahun ini, seterusnya dalam menghadapi Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa pada 2005. Tanpa sokongan bank, golongan ini mungkin tercicir dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Kami juga mahu peminjam kecil ini mengamalkan sikap amanah, komited dan bekerjasama dengan bank dalam membayar pinjaman.

Sikap sesetengah peminjam yang mengabaikan pembayaran balik merugikan diri kerana mereka boleh disenaraihitamkan daripada menerima pinjaman bank atau bantuan kerajaan. Sikap ini menyebabkan peniaga lain sukar mendapat pinjaman pada masa depan.

Kerajaan banyak menyediakan bantuan dan subsidi untuk membantu peniaga. Malangnya, mereka yang tidak menghargai dan berterima kasih, yang akhirnya membuatkan mereka gagal.

Nasihat Dr Mahathir membuktikan kerajaan prihatin membantu peniaga kecil. Kami juga mengatur Program Seminar Keusahawanan bagi memberikan kesedaran kepada peniaga, khususnya tanggungjawab, cabaran dan dana pinjaman.

SAID ANUAR SAID AHMAD,

Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda Umno.